

Utara 4/10/72 -

Dr. Mahathir bin Muhammad telah dicalunkan untuk menjadi senator menggantikan Allahyarham Senator Hanifah Alauddin yang meninggal dunia dalam bulan Oktober lalu.

Pencalunan ini telah dikemukakan kepada Ketua UMNO Negeri yang juga Menteri Besar Datuk Syed Ahmad Shahabuddin oleh UMNO bahagian Kedah Utara dan beberapa bahagian lagi.

Utusan Malaysia difahamkan petang ini bahawa Jawatankuasa UMNO Negeri Kedah akan mengadakan mesyuaratnya pada akhir bulan ini untuk membuat keputusan di dalam perkara itu.

Dr. Mahathir yang sekarang menjadi Pengerusi FIMA baru-baru ini telah juga dilantik menjadi Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Negeri Kedah untuk menggantikan Allahyarham Hanifah Alauddin.